

**PELAKSANAAN PEMBELAJARAN ABAD KE 21 DALAM KALANGAN
GURU PENDIDIKAN KHAS MURID CACAT PENDENGARAN**

Norisah Ahmad

Pejabat Pendidikan Daerah Klang

noriselmi@gmail.com

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru pendidikan khas pelajar cacat pendengaran dengan melaksanakan Pembelajaran Abad Ke -21 (PAK21). Kaedah kajian menggunakan kaedah pemerhatian dan temu bual mendalam dengan guru-guru pendidikan khas yang mengajar pelajar cacat pendengaran. Kajian ini dilaksanakan di sebuah sekolah rendah di daerah Klang, Selangor. Dapatan kajian menunjukkan bahawa amalan semasa dalam pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan pelajar cacat pendengaran dan kaedah yang sesuai untuk mengajar pelajar cacat pendengaran adalah dengan menggunakan PAK21, dalam kalangan guru pendidikan khas. Pada keseluruhannya hasil analisis menunjukkan majoriti guru Pendidikan Khas melaksanakan PAK21 kerana mempunyai pengetahuan, kemahiran dalam mengajar, mengamalkan kaedah dan menggunakan sumber atau kemudahan fizikal dan bahan pengajaran yang paling asas dalam proses pengajaran dan pembelajaran pelajar cacat pendengaran. Oleh itu, konsep kreatif dalam teknik pembelajaran dalam PAK 21 boleh membawa hasil yang lumayan dalam aspek pemahaman pelajar. Hal ini, juga membuatkan pelajar seronok untuk belajar dan daripada keseronokkan itu akan menyebabkan pelajar mudah untuk menjana idea-idea baru, berfikir secara kritis. Pekembangan pemikiran pelajar juga dapat dipupuk dengan baik dan bukan hanya fokus pada peperiksaan, namun mampu mengaplikasikan pembelajaran mereka dengan kehidupan harian dan masa akan datang. Kepentingan kreatif, inovatif, kritis dalam aliran pendidikan khas juga tidak boleh disangkal lagi. Penglibatan oleh semua pihak adalah sangat diperlukan untuk melihat kejayaan hasrat tersebut mencapai kejayaan. Bagi melihat penyediaan pendidikan murid berkeperluan khas diberikan sama rata dengan pelajar arus perdana, pengurusan pendidikan khas juga perlu membuat anjakan paradigma dan melakukan transformasi ke arah yang lebih baik. Peranan sekolah, guru dan ibu bapa adalah tunjang utama dalam pelaksanaan elemen-elemen kemahiran abad ke -21 ini, supaya dapat melahirkan generasi yang kreatif bertaraf dunia. Apatah lagi, penyediaan peluang pendidikan sama rata kepada semua murid di Malaysia adalah matlamat utama Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 -2025.

Kata kunci: Guru Pendidikan khas, Pembelajaran abad ke 21, Murid bermasalah cacat pendengaran

PENDAHULUAN

Rakyat adalah sumber kita yang utama. Tanpa ragu-ragu lagi, pada tahun 1990-an dan seterusnya, Malaysia mestilah memberikan perhatian sepenuhnya terhadap pembangunan manusia yang amat penting ini". Justeru pembangunan insaniah itu bukan setakat di fokuskan terhadap akademik sahaja tetapi juga aspek kemahiran abad ke 21 itu. Senario di sekolah yang masih berlaku pada saat ini ialah cara pembelajaran yang berpusatkan guru. Cara pengajaran yang hanya memberi

peluang pada murid untuk menerima maklumat dan pembelajaran yang hanya bermatlamatkan pencapaian akademik bukan lagi cara efektif dalam mendidik. Melihat pada wawasan 2020, peranan sistem pendidikan ialah untuk mendiikd dan menghasilkan rakyat yang bukan sahaja berpengetahuan & berketerampilan tetapi boleh berfikir secara kreatif. Menurut (Mohd, Baharom, Abdul. 2011) "guru memainkan peranan yang penting dalam dunia pendidikan dengan menyediakan pelajar ke arah mencapai matlamat dan wawasan pendidikan.

Oleh itu, tahap pengetahuan guru dan persepsi guru terhadap pengajaran kemahiran berfikir akan mempengaruhi amalan dalam pengajaran” . Justeru, keyakinan dan kesedaran dalam diri guru itu sendiri seharusnya di didik terlebih dahulu supaya apa yang dipegang dapat diaplakisikan dalam mendidik anak murid. Kemahiran berfikir itu termasuklah cara pemikiran yang kreatif, mahir strategi pemikiran metakognitif, pemikiran kritis, inovasi dan futuristik.

Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa berusaha agar semua warganegara tanpa mengira latarbelakang akan memperolehi pendidikan asas yang berkualiti. Antara peluang pendidikan yang di beri ialah: a. Pendidikan khas di sediakan bagi kanak-kanak istimewa termasuklah yang mengalami kecacatan pendengaran; dan b. Matapelajaran vokasional disediakan bagi murid yang berminat. Di samping itu, hasrat pendidikan adalah untuk memberi peluang kepada setiap individu memperkembangkan semua potensi yang mereka miliki. Ia dinyatakan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan, matlamat dan misi. (Kementerian Pendidikan Malaysia, Pusat Perkembangan Kurikulum, 2001) Pernyataan Masalah Penyelidik ingin mengenalpasti pelaksanaan PAK21 oleh guru Pendidikan Khas dalam penyampaian pengajaran dan pembelajaran di sekolah Rendah Tengku Bendahara Azman 1 Klang Selangor.

PENYATAAN MASALAH

Oleh itu, Pendidikan Khas (PK) bertujuan membantu merancang persekitaran pembelajaran yang berkesan serta dapat memenuhi keperluan-keperluan pelajar kurang upaya dengan menggunakan strategi-strategi pengajaran dan pembelajaran yang paling efektif serta pengawasan yang teliti terhadap perkembangan diri pelajar-pelajar ini. Guru pendidikan khas perlu mempunyai asas dalam menimbang kegunaan beberapa pendekatan pengajaran yang dapat menerapkan proses pengajaran dalam kalangan murid kurang upaya. Satu daripada rintangan yang dihadapi oleh murid kurang upaya ialah berkaitan dengan tahap pembelajaran yang diperlukan bagi membolehkan mereka menguasai PdP sepenuhnya. Oleh itu, Pembelajaran Abad ke-21 (PAK21) memberikan peluang yang sama untuk golongan kurang upaya ini agar dapat meningkatkan keupayaan mereka sama dengan pelajar aliran perdana atau murid normal.

II.

Siew, Salimah dan Rozaiti (2007), pula menyatakan bahawa kekurangan pekerja mahir yang berkualiti kepada membantu komuniti cacat pendengaran di Malaysia masih menjadi satu masalah yang perlu ditangani dengan usaha yang serius terutamanya apabila melibatkan pembinaan korikulum pembelajaran dan pengajaran yang relevan dan sesuai bagi golongan cacat pendengaran. Pembelajaran Abad ke-21 (PAK21) ini boleh membantu pelajar cacat pendengaran menikmati proses pembelajaran dengan sempurna dan menjadi lebih kreatif.

Selain itu, Presiden Persekutuan Orang Cacat pendengaran Malaysia (MFD), Mohamad Sazali Shaari,

menyatakan bahawa kebanyakan pelajar cacat pendengaran telah gagal dalam beberapa subjek yang membawa mereka harapan hilang dalam arus sistem pendidikan. Hal ini demikian kerana, peratusan rendah subjek lulus yang telah diambil oleh pelajar yang cacat pendengaran dalam sistem peperiksaan utama seperti Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Ramai daripada mereka gagal setiap tahun terutamanya subjek Bahasa Melayu. Mata pelajaran ini merupakan subjek wajib dan tertakluk dalam mana-mana peperiksaan utama yang membuat mereka gagal keseluruhan peperiksaan. Akibatnya, pelajar menghadapi masalah untuk memohon melanjutkan pelajaran di peringkat yang lebih tinggi (Abu Hassan, 2012). Roslina Ahmad (2012), pernah berkata bahawa isu-isu komunikasi juga boleh menyebabkan mereka kehilangan peluang-peluang dalam kehidupan sehari-hari mereka. Sebagai manusia, orang cacat pendengaran juga mempunyai hak-hak mereka untuk hidup dengan keadaan yang sama yang orang biasa terima. Oleh itu, pembelajaran dan pengajaran Abad 21 perlu dilaksanakan supaya cacat pendengaran ini tidak dipinggirkan. Dalam bidang pendidikan, kerajaan telah menyediakan pelbagai kemudahan seperti sekolah khas, sekolah bersepadu serta guru-guru terlatih yang menyediakan mereka dengan peluang pendidikan yang sempurna. Aspek kemudahan ini perlu diperkuatkan dan dipertingkatkan terutamanya yang melibatkan kemudahan dalam pengajaran dan pembelajaran untuk orang cacat pendengaran terutamanya dalam Pendidikan Abad ke 21.

Persoalan yang timbul adakah sekolah kebangsaan pendidikan khas menerapkan PAK21 dalam kalangan pelajar kurang upaya? Sehubungan dengan itu, penyelidik membuat satu kajian, mengenalpasti keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Abad ke-21 dalam kalangan guru Pendidikan Khas murid bermasalah cacat pendengaran di sekolah Kebangsaan Tengku Bendahara Azman 1. Klang, Selangor.

OBJEKTIF KAJIAN

Pada akhir kajian ini, diharapkan penyelidik dapat: Mengenal pasti pengetahuan tentang Pendidikan Abad ke-21 (PAK21) dalam kalangan guru Pendidikan Khas (PK) murid cacat pendengaran.

Mengenal pasti penguasaan kemahiran PAK21 dalam kalangan guru PK murid cacat pendengaran. Mengidentifikasi kemudahan yang terdapat di Sekolah PK murid cacat pendengaran untuk menyokong pelaksanaan PAK21.

KAJIAN LITERATUR

Peranan guru sangat besar apabila mereka dianggap sebagai pengajar kerana tugas utama guru di dalam bilik darjah adalah menyampaikan ilmu pengetahuan berdasarkan sukanan pelajaran serta mendidik murid-murid supaya menjadi insan yang bermoral tinggi. Untuk mencapai objektif ini, guru sebagai pengajar hendaklah merancang aktiviti pengajaran yang

sesuai, alat bantuan mengajar untuk meningkatkan keberkesan pengajaran dan pembelajaran, melaksanakan rancangan mengajar yang telah disediakan dan membuat penilaian atas segala aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang telah dijalankan. Melalui maklum balas yang diperoleh daripada penilaian, guru dapat menambahbaikkan proses pengajaran dan pembelajaran. Untuk mengatasi segala masalah yang berkaitan, guru haruslah mempunyai ilmu yang cukup dan kecerdasan minda dalam menyelesaikan masalah. Ilmu menjadi sesuatu yang penting untuk guru-guru ini mengenalpasti murid-murid mereka dengan baik dan mencari jalan penyelesaian yang baik dan sesuai untuk setiap murid. Dengan ilmu yang ada, guru-guru dapat menggunakan kecerdasan minda mereka dalam menghadapi murid-murid cacat pendengaran ini.

Peranan dan komitmen mereka amat diperlukan dan malah tugas menjadi sangat mencabar dengan keperluan pembelajaran Abad ke-21. Berdasarkan objektif kajian ia itu guru Menguasai ilmu / Subjek / Isi Kandungan Pengetahuan, kemahiran, dan pengalaman guru perlu diintegrasikan bagi membina satu pengajaran yang mantap dalam proses P&P yang lebih berkesan. Guru-guru Abad Ke-21 perlu menguasai kepakaran berikut dalam menguruskan pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Dengan Menguasai Pedagogi Abad ke-21 guru berkemahiran menggunakan teknologi maklumat dan media dalam PdP dan mengaplikasikan serta menyesuaikan dengan pedagogi serta konsep/ teknik pembelajaran Abad Ke-21. Sebagai contoh, Kaedah Pembelajaran Koperatif merupakan satu kaedah pembelajaran dan pengajaran Abad ke-21 untuk mengembangkan potensi murid serta memberi kepercayaan kepada murid mengendalikan dan melatih rakan sekumpulan sama-sama. Menurut (Cheng 2000) pendekatan koperatif boleh dilaksanakan melalui pedagogi yang sesuai di dalam bilik darjah yang dinamik dan sentiasa menggerakkan pasukan kecil pelajar yang sentiasa berinteraksi dan bekerjasama dalari-menghadapi pelajaran mereka. (Chen 2005 dan Sharan 1980). Hal ini turut disokong oleh Pons,sharon,serrano,Lomeli & Buchs (2013) yang menyatakan Pendekatan Koperatif adalah satu bentuk sistem pengajaran yang sistematik yang terdiri daripada pelbagai tahap IQ yang berlainan. Pelajar saling bergantung antara satu sama lain dan guru-guru yang terlibat perlu diberi latihan khusus tentang kaedah Koperatif.

Masalah pendengaran terbahagi kepada dua iaitu pekak dan separuh pekak. Pekak juga boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu pekak deria saraf dan konduktif. Pekak deria saraf adalah berpuncu di bahagian telinga dalam atau saraf pendengaran manakala jenis konduktif ialah kerosakan bahagian telinga tengah dan luar. Sebenarnya orang yang bermasalah pekak tidak mengalami kerencatan akal (Mohd Salleh Lebar, 1998).

Keadaan pekak itu pula boleh dibahagikan kepada empat jenis iaitu pekak aliran di mana getaran-getaran tidak sampai ke bahagian dalam telinga. Kehilangan pendengaran seperti ini biasanya tidak tenat dan penggunaan alat dengar pengaliran tulang selalunya boleh memulihkan pendengaran yang rosak itu. Manakala, pekak pengamatan adalah kehilangan pendengaran pengamatan atau saraf deria lebih tenat dan ini disebabkan oleh kerosakan bahagian dalam telinga atau kecacatan saraf telinga yang memancarkan utusan kepada otak. Hal ini biasanya akan mempengaruhi 3 kekerapan lebih tinggi daripada yang lain. Dalam kepekakan pusat pula organ pendengar berjalan dengan betul akan tetapi sistem urat saraf pusat tidak bergerak dengan betul atau cedera. Jika dilatih dengan kaedah yang betul mereka boleh berinteraksi dengan rakan-rakan sebaya dan juga masyarakat walaupun tidak sepenuhnya. Cara tersebut mereka dapat mensosialisasikan dirinya setakat yang mereka mampu (Mohd Salleh Lebar, 1998). Sungguhpun begitu, kanak-kanak istimewa ini tetap memerlukan pendidikan. Oleh yang demikian, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyediakan peluang dan perkhidmatan pendidikan bagi kanak-kanak yang berkeperluan khas ini. Walaupun mereka kekurangan dari satu sudut tetapi mereka mempunyai kelebihan yang mungkin tidak dipunyai oleh mereka yang normal. Tegaslah bahawa PAK21 adalah untuk menyediakan pelajar dengan kemahiran.

METODOLOGI

Reka bentuk kajian yang akan dijalankan adalah berbentuk tinjauan diskriptif iaitu kajian yang menggunakan temubual tidak berstruktur. Kajian deskriptif juga dapat memberikan gambaran dan maklumat mengenai sesuatu keadaan pada suatu masa tertentu, di samping menerangkan perancangan masa akan datang merupakan kaedah yang paling popular dalam kalangan penyelidik. Soal selidik paling sesuai untuk mengumpulkan data dalam kajian yang berbentuk tinjauan. Dalam kajian ini, pengkaji memilih guru Pendidikan Khas di sebuah sekolah rendah Klang, Selangor bagi tahun 2016 sebagai populasi. Seramai 06 guru Pendidikan Khas yang telah dijadikan responden untuk kajian ini. Pemilihan guru Pendidikan Khas ini adalah berdasarkan kepada beberapa indikator yang mencakupi:-

Mereka mempunyai pengalaman mengajar pelajar Pendidikan Khas dan mempunyai pengalaman yang berbeza antara satu sama lain; dan

Mereka terdiri daripada guru-guru Pendidikan Khas yang mengajar di dalam kelas Pendidikan Khas. Berdasarkan kepada ciri-ciri yang dipilih, diharapkan dapat mencapai keputusan yang menepati syarat-syarat keperluan tajuk penyelidik. Berikut adalah data guru Pendidikan Khas yang telah terpilih untuk menjadi responden dalam kajian ini.

Jadual 1- Latarbelakang Responden.

| Bil | Nama guru | Bangsa | umur | opsyen |
|------------|------------------|---------------|-------------|---|
| 1 | Responden 1 | Melayu | 26 | Pendidikan Khas (pembelajaran) |
| 2 | Responden 2 | Melayu | 26 | Pendidikan khas (Penglihatan) |
| 3 | Responden 3 | Melayu | 26 | Pendidikan Khas (Pendengaran) |
| 4 | Responden 4 | Cina | 28 | Pendidikan Khas |
| 5 | Responden 5 | Melayu | 28 | Pendidikan Khas (Pendengaran) |
| 6 | Responden 6 | Cina | 29 | Guru PPKI (Pendidikan Khas Pendengaran) |

Responden-responden ini dipilih kerana mereka ialah guru yang terlibat secara langsung dengan perlaksanaan PAK21 di Sekolah Kebangsaan Tengku Bendahara Azman 1, Daerah Klang, Selangor. Pada pandangan pengkaji, sudah tentu mereka dapat memberi maklumat yang sebenar berdasarkan pengalaman-pengalaman mereka berada di kelas Pendidikan Khas (PK) murid cacat pendengaran melalui pengalaman mereka bergaul dengan pelajar-pelajar khas. Menurut Gravetter dan Wallnau, (2004), kaedah deskriptif adalah satu prosedur atau teknik statistik bertujuan untuk meringkaskan data dalam bentuk yang lebih bermakna.

Bahagian B: Item temubual tidak berstruktur dan soal selidik ini digunakan kerana dapat memberikan gambaran yang lebih tepat terhadap maklumbalas

responden. Soalan ini direkabentuk untuk meninjau pelaksanaan Pembelajaran Abad ke-21 (PAK21) guru pendidikan khas murid bermasalah pendengaran. Hal ini, melibatkan penyampaian pengajaran dan pembelajaran beberapa matapelajaran di Sekolah Rendah Tengku Bendahara Azman 1, Daerah Klang. Soalan atau pernyataan dibahagikan kepada empat skop kajian, berdasarkan persoalan kajian iaitu berkaitan pengetahuan Pembelajaran Abad 21, kemahiran dengan memberi contoh aktiviti yang dilaksanakan di dalam kelas dan sumber atau kemudahan yang sesuai digunakan dalam kelas murid bermasalah cacat pendengaran.

Pembahagian item mengikut objektif kajian adalah seperti dalam jadual berikut: Jadual 2: Pembahagian Item Mengikut Persoalan Kajian

Jadual 2-Pembahagian Item mengikut Persoalan Kajian

| Bil | Persoalan Kajian | Bilangan soalan |
|------------|---|------------------------|
| 1 | Apakah yang anda faham tentang ciri Pendidikan Abad ke-21 (PAK21)? | 1 |
| 2 | Adakah anda pernah menghadiri kursus berkaitan PAK21 | 1 |
| 3 | Nyatakan contoh-contoh aktiviti PAK21 yang dilaksanakan ketika PdP. | 1 |
| 4 | Adakah sumber yang terdapat di ekolah sesuai dengan PAK21 dalam bilik darjah Pendidikan Khas murid cacat pendengaran. | 1 |

Dalam kajian ini, data dikumpul melalui proses temubual berstruktur. Instrumen kajian yang menggunakan kaedah temu bual. Temubual dilakukan secara lisan (perbualan) dan jawapan direkod oleh pengkaji secara bertulis, melalui rakaman kaset, video dan media elektronik yang lain. Data temubual kandungan dianalisis melalui transkripsi temu bual. Dapatkan kajian bersama responden dipersembahkan dalam bentuk memerihalkan perbualan semula mengikut soalan yang dikemukakan. Analisis Data telah dijalankan ke atas 06 orang responden, guru yang mengajar Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran Cacat Pendengaran di sebuah sekolah rendah daerah Klang. Tujuan utama pelaksanaan kajian untuk meninjau keberkesanan PdP Abad ke 21 dalam kalangan guru Pendidikan Khas murid bermasalah cacat pendengaran.

ANALISIS DATA

Berdasarkan rumusan analisis di dalam Jadual 4 di bawah, didapati semua responden telah menyatakan bahawa guru pendidikan khas telah melaksanakan dan

mempunyai keberkesanan dalam pengajaran dan pembelajaran Abad 21 yang berkaitan persoalan kajian tentang pengetahuan, kemahiran atau aktiviti dan sumber atau kemudahan fizikal atau bahan pengajaran. Semua responden melaksanakan keempat-empat perkara tersebut ketika pembelajaran dan pengajaran dalam kelas Pendidikan Khas murid bermasalah cacat pendengaran. Dari keputusan yang diperolehi ini, berdasarkan persoalan kajian 3 item 3, yang menyatakan responden amat memerlukan latihan dan bengkel tambahan untuk memajukan diri dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Khas. Pengkaji mendapati latihan dan bengkel tambahan antara cara memperbaiki dan menambah pengetahuan dan kemahiran guru-guru pendidikan khas. Dapatkan Temu bual Kaedah temu bual yang dilakukan terhadap 6 orang responden yang terpilih telah menemukan pelbagai maklum balas yang menarik dan berguna bagi mencapai objektif kajian ini.

Responden 1,

Bagi soalan 1 - Apakah yang anda faham tentang ciri Pendidikan Abad ke-21 (PAK21)? Maklum balas yang diterima daripada responden adalah ialah pdp berpusatkan murid, menggunakan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dan memaparkan hasil murid. Soalan kedua, apakah anda pernah menghadiri kursus PAK21 ? responden memberikan maklum balas yang beliau pernah mendapat pendedahan ketika Latihan dalam perkhidmatan (LADAP). Maklum balas bagi soalan 3, berkaitan kemahiran dengan contoh aktiviti pdp abad 21 yang dilaksanakan pula responden menyatakan aktiviti kerja berkumpulan Responden menyatakan aktiviti berkumpulan tidak sesuai dengan murid pekak,.penggunaan peta-i-think dan mengamalkan traffic light ketika melaksanakan aktviti .Soalan terakhir berkaitan ,adakah sumber di sekolah sesuai dengan PAK21 dalam bilik darjah pendidikan khas. Responnya ialah sangat sesuai terutama teknologi maklumat, sudut pembelajaran dalam kelas dan tampilan hasil murid.

Responden 2,

Menjawab soalan 1 responden menyatakan PAK21 ialah berpusatkan murid dan bahan,guru sebagai pembimbing atau fasilitator dan susunan meja dan murid secara berkumpulan.Soalan 2 pula,responden menyatakan pernah mengikuti kursus Pak21.seterusnya,maklum balas soalan 3,guru telah melaksanakan aktiviti VLE-Frog,pembelajaran koperatif,peta i-Think,system lampu trafik (hijau untuk faham,kuning untuk kurang jelas dan merah untuk tidak faham).Soalan 4,maklumbalasnya, ialah memang sumber yang terdapat di sekolah sesuai dengan PAK ke-21 dalam bilik darjah pendidikan khas terutama computer,buku teks,buku rujukan dan kertas mahjung.

Responden 3,

Untuk soalan 1, berkaitan pengetahuan PAK21 ialah menerapkan unsur KBAT dalam PdP,mengaplikasikan kemahiran TMK,penggunaan pelbagai alat kemahiran berfikir seperti peta i-Think,berpusatkan murid dan guru sebagai pembimbing dan menggunakan system lampu trafik untuk maklumbalas murid.soalan 2,responden tidak pernah menghadiri kursus PAK21.Manakala soalan 3,maklum balas responden ialah penggunaan TMK spserti computer dan lain lain medium,peta i-think untuk hubung kait dalam isi kandungan subjek,PdP berpusatkan murid dan guru sebagai pembimbing.Juga penggunaan Traffic Light untuk maklum balas ketika

aktiviti sedang dilaksanakan.Bagi soalan 2, responden juga menyatakan tidak pernah menghadiri kursus berkaitan PAK21.Soalan 3, ia itu kemahiran PAK21 contoh aktiviti yang dilaksanakan ialah peta i-Think seperti peta buih dan lain-lain untuk perkaitan,penggunaan computer dan lain-lain.Soalan 4 ialah,sumber dan kemudahan sesuai Cuma perlu ditambah baik sesuai dengan PdP.

Responden 4,

Maklum balas untuk soalan 1, berkaitan pengetahuan PAK21 ialah pembelajaran secara kolaboratif dan koperatif ketika PdP,,penggunaan bahan interaktif sangat menarik perhatian murid.Soalan 2,responden pernah menghadiri kursus PAK21ketika Latihan Dalam Perkhidmatan di sekolah.Manakala soalan 3,maklum balas responden ialah peta i-Think,PdP berpusatkan murid dan susunan meja secara berkumpulan.Juga penggunaan Traffic Light untuk maklum balas ketika aktiviti sedang dilaksanakan.Bagi soalan 4, sumber sangat sesuai kerana kelas berasingan mengikut tahun.

Responden 5,

Maklum balas untuk soalan 1, berkaitan pengetahuan PAK21 ialah pembelajaran berpusatkan murid,berfikir diluar kotak pemikiran.Soalan 2,responden pernah menghadiri kursus PAK21ketika Latihan Dalam Perkhidmatan di sekolah.Manakala soalan 3,maklum balas responden ialah peta i-Think dan penggunaan komputer.Juga penggunaan Traffic Light untuk maklum balas ketika aktiviti sedang dilaksanakan.Bagi soalan 4, sumber sangat sesuai kerana kelas murid sikit dan mudah dan murah untuk digunakan seperti lampu trafik,gam,kertas sebak, teksdan buku rujukan.

Responden 6,

Maklum balas untuk soalan 1, berkaitan pengetahuan PAK21 ialah pembelajaran berpusatkan murid ketika PdP,murid memberi fokus,penggunaan bahan interaktif sangat menarik perhatian murid dan penggunaan bilik darjah secara optimum.Soalan 2,responden pernah menghadiri kursus PAK21 ketika Latihan Dalam Perkhidmatan di sekolah.Manakala soalan 3,maklum balas responden ialah peta i- Think,PdP berpusatkan murid dan susunan meja secara berkumpulan.Juga penggunaan „Traffic Light’untuk maklum balas ketika aktiviti sedang dilaksanakan.Bagi soalan 4, sumber sangat sesuai bergantung kepada kreativiti guru.

Jadual 3 - Rumusan Kaedah Mengumpul Data Responden

| Persoalan Kajian | Pelaksanaaan | Kaedah |
|---|--|--|
| PK1 – Apakah yang anda faham tentang ciri Pendidikan Abad ke-21 (PAK21)? | Untuk mengenal pasti pengetahuan dan pemahaman guru Pendidikan Khas tentang PAK21 | Temuduga: temubual Face to face dengan guru-guru PK Permerhatian: Peserta dan bukan peserta di dalam kelas kearah kelakuan dan tingkah laku pelajar cacat pendengaran. |
| PK –Adakah anda pernah menghadiri kursus berkaitan PAK21? | Untuk mengenal pasti guru PK murid bermasalah cacat pendengaran mendapat pendedahan PAK21. | Temuduga: temubual Face to face dengan guru-guru PK Permerhatian: Peserta dan bukan peserta di |

| | | |
|--|---|--|
| PK3- Nyatakan contoh-contoh aktiviti PAK21 yang dilaksanakan ketika PdP. | Untuk menentukan ciri-ciri PdP PAK21 diamalkan dalam kelas Penggunaan Traffic Light Pembelajaran Koperatif Berpusat murid Penerapan Unsur KBAT,I-Think Untuk mengetahui pelaksanaan guru PKPAK21 Dan penerimaan murid cacat pendengaran Untuk mengenal pasti bahan yang digunakan dalam PdP sesuai dengan pelajar cacat pendengaran. Sudut pembelajaran dalam kelasICT dan Komputer Buku Teks,Buku Rujukan | dalam kelas kea rah kelakuan dan tingkah laku pelajar cacat pendengaran. Temuduga: temubual Face to face dengan guru-guru PK Permerhatian: Peserta dan bukan peserta didalam kelas kea rah kelakuan dan tingkah laku pelajar cacat pendengaran. Temuduga: temubual Face to face dengan guru-guru PK Permerhatian: Peserta dan bukan peserta didalam kelas kea rah kelakuan dan tingkah laku pelajar cacat pendengaran. |
| PK4- Adakah sumber yang terdapat di sekolah sesuai dengan PAK21 dalam bilik darjah Pendidikan Khas murid cacat pendengaran. | | |

Berdasarkan Jadual 3: Pelaksanaan pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) PAK 21 dengan bukti bahawa Cara Pengajaran dan Pembelajaran Yang Sedia Ada merujuk pengetahuan guru PK (Sumber: Aidah Alias 2014), kajian ini dijalankan di Sekolah Rendah Tengku Bendahara Azman 1, kerana hanya sekolah ini sahaja Pendidikan Khas Cacat Pendengaran di Daerah Klang. Pengkaji telah melawat untuk *fieldworks* sebanyak 4 kali. Jelaslah item guru mempunyai pengetahuan kerana guru telah kurang menggunakan pdp Tradisional tetapi telah beralih kepada Rancangan Pelajaran Harian yang menjurus kepada PAK21 kerana telah menguasai ilmu mata pelajaran dan pedagogi misalnya, memahami dan menulis dalam buku Rekod Pengajaran dengan Pemula atau induksi dengan aktiviti „Find Who”, kemudian aktiviti seperti „Two Stray Two Stay” dan Galeri Walk dan Peta i-Think sebagai Penutup dalam penulisan. Oleh itu, guru mengetahui tentang Kagan Struktur dan Pembelajaran Koperatif ketika melaksanakan Pengajaran dan Pemudahcara (PdPc) dalam kelas murid cacat pendengaran. Hasil dapatan kajian mendapati penggunaan komputer, „Traffic Light” dan Papan Mini Putih sebagai alat bantuan mengajar sepanjang kelas pembelajaran dan pengajaran dilihat digunakan oleh pelajar dan guru sentiasa berubah dari masa ke masa.

Hasil temu bual bersama guru mendapati, rata-rata tenaga pengajar memilih menggunakan gambar dan komputer dikatakan lebih mudah dan menjimatkan kos. Hasil permerhatian mendapati, pelajar cacat pendengaran lebih fokus dan memahami mesej pembelajaran kerana lebih jelas, lebih besar dan mampu disampaikan sehingga menarik perhatian. Di akhir sesi, pelajar dilihat dapat memberikan ilustrasi dan respons yang amat baik apabila diminta menggambarkan kembali perkara yang dilihatnya. Jelas guru PK di sekolah Tengku Bendahara Azman sememangnya melaksanakan PdPc PAK 21 walaupun adakalanya mereka tidak menyedari mereka sedang mengamalkannya contohnya, penggunaan Bahasa Isyarat,Kedudukan murid yang secara

berkumpulan, Perbezaan yang telah dilaksanakan ketika aktiviti dalam kumpulan.

Kesemua responden melaksanakan PAK 21 ketika pembelajaran dan pengajaran dalam kelas murid cacat pendengaran di Sekolah Kebangsaan Tengku Bendahara Azman 1. Daerah Klang, Selangor. Perbincangan melalui analisis temu bual yang dilakukan, penyelidik mendapati bahawa keseluruhan guru yang pendidikn khas mempunyai kemahiran dalam PAk21. Guru perlu berusaha mencuba teknik pengajaran yang baru agar dapat mencapai objektif pengajaran-pembelajaran. Teknik pengajaran yang membolehkan pelajar mengikuti sesuatu pelajaran dengan mudah serta menyeronokkan merupakan teknik yang sangat diharapkan oleh pelajar. Kepelbagai teknik pengajaran ini boleh memberikan kesan yang positif dalam diri pelajar. Dalam kemahiran, memahami tajuk yang amat penting. Oleh itu, guru haruslah memastikan pelajar dapat mengekalkan penumpuan bagi membentuk konsep yang betul. Selain itu, guru juga mengajar dengan menggunakan kaedah berpusat kepada pelajar. Pemerhatian yang begitu tinggi mewujudkan rasa kasih sayang dan mesra dalam kalangan pelajar. Suasana yang riang dan selesa serta bersih menjadi dorongan kepada murid-murid untuk mengelakkan penumpuan terhadap pembelajaran bilik darjah.

Hasil daripada dapatan kajian menunjukkan kebanyakkannya guru guru Pendidikan Khas tidak mempunyai banyak masalah dalam kemudahan fizikal dan bahan pengajaran, guru-guru pendidikan Khas ini telah mendapat pendedahan untuk membina alat bantu mengajar dengan menggunakan kreativiti sendiri tanpa bantuan orang lain. Objektif kajian boleh dicapai iaitu menyediakan satu asas yang kuat untuk sesuatu konsep dan boleh menghasilkan pembelajaran yang kekal. Kemudahan fizikal yang lengkap adalah merupakan faktor terpenting bagi mencapai matlamat pelaksanaan PAK21. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan,

pengetahuan dan kemahiran guru merupakan faktor utama dalam proses Pengajaran dan pembelajaran. Berdasarkan kajian, menunjukkan bahawa guru yang

mempunyai pengetahuan dan kemahiran akan dapat melakukan pengajaran yang berkesan. Hal ini dibuktikan dengan dengan Gambar 1 di sebelah.

Gambar 1 : Bukti Berdasarkan Pemerhatian PAK21.

Pelaksanaan Pembelajaran Abad Ke-21 oleh Guru-Guru Pendidikan Khas Murid Cacat Pendengaran di Sekolah Kebangsaan Tengku Bendahara Azman 1,satu-satunya sekolah cacat pendengaran di Daerah Klang, Selangor.



Guru-guru PK berkolaboratif ketika melaksanakan PAK21 dalam kelas murid cacat pendengaran.



Murid melaksanakan aktiviti, *'Paired and Share'* ketika PdP dalam menyiapkan tugas mereka.



Murid menggunakan '*Traffic Light*' sebagai kaedah guru PK mengawal aktiviti dalam kelas cacat pendengaran



Guru PK memberi penghargaan dan bertindak sebagai pemudahcara ketika PdP sedang dilaksanakan dalam kelas



Parking Lot



Bahasa Isyarat



Sumber

Guru PK menggunakan 'Parking Lot' untuk memapar hasil murid, juga berkomunikasi dengan Bahasa Isyarat serta sumber yang paling berkesan dalam PAK21 ketika PdPc sedang dilaksanakan dalam kelas cacat pendengaran .

KESIMPULAN

Daripada kajian yang telah dilakukan didapati, penggunaan strategi, kaedah, bahan bantuan serta pengetahuan dan kemahiran seseorang guru juga memainkan peranan yang penting dalam mengajar pelajar-pelajar pendidikan khas. Guru Pendidikan Khas perlu memahami perbezaan individu dengan baik, justeru strategi dan kemahiran mengajar direka khas untuk menarik minat pelajar-pelajar Pendidikan Khas agar mereka dapat menumpukan perhatian dan berjaya dalam pelajaran mereka.

Dapatkan kajian yang dijalankan juga telah menunjukkan guru -guru pendidikan khas di sekolah Bendahara Azman 1, Klang, Selangor. Melaksanakan

pembelajaran abad ke-21. Mereka yakin bahawa murid berkeperluan khas patut diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran di kelas sama dengan murid normal. Di samping itu guru kelas Pendidikan Khas perlu bekerjasama dan menerima kanak-kanak berpendidikan khas yang mempunyai berbagai-bagai perbezaan individu. Sehubungan dengan dapatan dan kesimpulan kajian, dengan harapan dapat memantapkan pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak berpendidikan khas dalam mempertabatkan imej guru supaya berada di tahap yang tinggi.

RUJUKAN

- Aida Alias, Mustafa Halabi Azahari dan Azdrool Izwan Ismail .(2013). Enhanching Learning Ability Among Deaf Students By Using hotographic Images. *The Asian Conference o Arts & Humanities 2013* Official Conference Proceeding Osaka Japan.
- Ghazali,S .(2002). *Pembimbing Latihan Ilmiah dan Tesii*,Kuala Lumpur Penerbitan Pusaka Antara.
- Hafizah,Hussain .(2006). Kesan Kaedah Pembelajaran Koperatif,Teknik Jigsaw di Kalangan pelajar Kejuruteraan UKM,Seminar Pengajaran dan Pembelajaran Berkesan ,Fakultiti kejuruteraan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kagan, S .(1992).*Cooperative Learning Resources For Teachers*" Riversides, CA University Of California at Riverside.
- Jamila K A Mohamed .(2006). *Pendidikan Khas untuk Kanak-Kanak Istimewa Siri Pendidikan Khas* .PTS Professional.
- Mohd Yusof Abdullah, Babarom Mohamad, Abdul Said Ambotang, Muhamad Suhaimi Tall dan Sbukri Zain .(2011). *Pengajaran Kemahiran Berfikir amalan dan pengajaran dalam pendidikan masa kini. Minda pendidik.*
- Mohamed Sazali Shaari, (2004), *Budaya Orang Pekak,Kertas Kerja Persidangan Keluarga Pekak,Hotel Crown Princess.Kuala Lumpur.*
- Satiah Binti Abdullah (2009),*Kaedah Pengajaran Bahsa Melayu untuk Murid-Murid pekak,Ijazah Pengajian Bahasa oden,Fakulti Bahsa dan Linguistik,* Universiti Malaya
- Syed Meeze Rashid,Norlida Alas,Nazean Jombari,Mohd Yaakob Zulkifli,Zakiah Haris (2014),*Kepentingan Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) Dalam Pengajaran Perkara AsasFardhu Ain (PAFA)* Terhadap Komuniti Pekak,Jurnal Kurikulum dan Pengajaran.